

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (MELAKA.NEGERI SEMBILAN)

TARIKH: 17 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 47

Serahkan pelan pembangunan premis kepada bomba, JKR

SEREMBAN - Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (iGuru) menasihati semua pusat tahfiz di negara ini supaya menyerahkan pelan pembangunan premis mereka ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk tujuan penelitian.

Presidennya, Mohd Azizee Hasan berkata, penelitian mendalam mengenai pelan pembangunan premis terutama di bahagian penginapan murid amat penting bagi memastikan ciri-ciri keselamatan dipatuhi.

Beliau berkata, aspek keselamatan merupakan perkara utama yang perlu diberi perhatian semua pihak terutama pengurusan pusat tahfiz.

"Kita memandang serius musibah berlaku baru-baru ini kerana ia bukanlah kejadian pertama berlaku melibatkan pusat pengajian tahfiz di negara ini.

"Kadang kala ia berlaku atas faktor sama yang sentiasa berulang. Justeru untuk mengelak musibah seperti ini berulang lagi, kita menggesa semua pihak terlibat dalam proses pembangunan institusi tahfiz agar mengikut piawaian kuafiti ditetapkan.

"Semua institusi tahfiz perlu mendaftar dengan kerajaan pusat atau negeri, di samping mendapat kelulusan pembinaan mengikut spesifikasi JKR dan pelan keselamatan mengikut piawaian ditetapkan Jabatan Bomba dan Penyelamat," katanya di sini, semalam.

Mohd Azizee berkata, memandangkan usaha untuk mendirikan institusi pengajian Islam seperti ini adalah usaha amat murni dan harus didukung semua pihak, pemeriksaan serta pemantauan yang menyeluruh terhadap semua pusat tahfiz seluruh negara perlu dilakukan dari semasa ke semasa.